

ANALISIS FUZZY DELPHI TERHADAP ISU FIQH MUNAKAHAT MASYARAKAT ISLAM ORANG ASLI DI PERAK

A Fuzzy Delphi Analysis of Fiqh Munakahat Issues Among the Orang Asli Muslim Community in Perak

Muhammad Syazwan Faiz Shahrom^{1a}, Paiz Hassan^{2a*}, Mohd Anuar Ramli^{3b}, Zulkefli Aini^{4c},
Muhammad Yusri Yusof @ Salleh^{5a}, Muhd Imran Abd Razak^{6a} and Mohd Zahirwan Halim
Zainal Abidin^{7a}

^aAcademy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar
Campus, 32610 Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA.

E-mail: msyazwanfaiz@gmail.com¹

E-mail: paiz4186@uitm.edu.my²

E-mail: yusri613@uitm.edu.my⁵

E-mail: imranrazak@uitm.edu.my⁶

E-mail: mohdz560@uitm.edu.my⁷

^bDepartment of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya,
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

E-mail: mohdanuar@um.edu.my³

^cResearch Centre for Da'wah and Leadership, Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: zulaini@ukm.edu.my⁴

*Corresponding Author: paiz4186@uitm.edu.my

Received: 12 Februari 2026

Accepted: 24 Mac 2026

Published: 26 May 2026

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.31no2.836>

Abstrak	Abstract
<p>Artikel ini bertujuan menganalisis proses pentarjihan hukum fiqh munakahat melibatkan masyarakat Islam Orang Asli di Negeri Perak melalui aplikasi Fuzzy Delphi Method (FDM). Kajian ini memfokuskan kepada beberapa isu munakahat utama yang dikenal pasti dalam kajian lapangan, antaranya perkahwinan bawah umur, kelayakan wali nikah yang fasik, pengislaman salah seorang pasangan suami isteri, pembayaran mas kahwin, perkahwinan mengikut adat Orang Asli serta isu-isu berkaitan hubungan kekeluargaan pasca pengislaman. Pentarjihan pandangan fuqaha terhadap isu-isu tersebut dilakukan oleh</p>	<p>This article aims to analyse the process of tarjih in fiqh munakahat involving the Orang Asli Muslim community in the state of Perak through the application of the Fuzzy Delphi Method (FDM). The study focuses on several key munakahat issues identified through field research, including underage marriage, the eligibility of a wali fasiq, the conversion to Islam of only one spouse, the payment of mahr, marriages conducted according to Orang Asli customary practices, as well as family-related issues following conversion to Islam. The researcher's tarjih of juristic opinions on these</p>

pengkaji berasaskan prinsip *fiqh taysir*, *tadarruj*, pertimbangan masalah dan mafsadah serta realiti sosio-budaya masyarakat Orang Asli, sebelum dinilai dan disahkan melalui konsensus pakar menggunakan kaedah FDM. Data dikumpulkan menerusi instrumen soal selidik FDM yang melibatkan sepuluh orang panel pakar terdiri daripada agamawan, pakar *fiqh* dan pakar dakwah berpengalaman dalam konteks masyarakat Orang Asli. Analisis FDM dilaksanakan dengan pengiraan nilai threshold (*d*), tahap persetujuan konsensus dan keutamaan (*ranking*) bagi setiap pentarjihan yang dicadangkan. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesepakatan pakar yang tinggi terhadap pentarjihan pengkaji bagi kebanyakan isu munakahat yang dikaji, sekali gus mengesahkan keperluan pendekatan *fiqh* yang lebih fleksibel, inklusif dan kontekstual. Kajian ini menyumbang kepada pembangunan kerangka pentarjihan *fiqh* munakahat berasaskan konsensus pakar yang boleh dijadikan panduan praktikal kepada pihak berautoriti agama, pendakwah dan penggerak masyarakat dalam menangani isu kekeluargaan masyarakat Islam Orang Asli secara lebih berkesan dan selari dengan *maqasid syariah*.

Kata kunci: *Fiqh munakahat, fuzzy delphi method, Orang Asli Islam, tarjih*

issues is grounded in the principles of *fiqh taysir*, *tadarruj*, the consideration of *maslahah* and *mafsadah*, and the socio-cultural realities of the Orang Asli community, before being evaluated and validated through expert consensus using the FDM approach. Data were collected using an FDM-based questionnaire involving ten expert panel members comprising religious scholars, *fiqh* specialists, and *da'wah* practitioners with experience in Orang Asli contexts. The FDM analysis involved the calculation of the threshold value (*d*), levels of consensus agreement, and priority rankings for each proposed *tarjih*. The findings indicate a high level of expert consensus on the researcher's *tarjih* for most of the *munakahat* issues examined, thereby affirming the need for a more flexible, inclusive, and contextual *fiqh* approach. This study contributes to the development of a consensus-based framework for *fiqh munakahat tarjih* that may serve as a practical guideline for religious authorities, *da'wah* practitioners, and community facilitators in addressing family-related issues within the Orang Asli Muslim community in a manner that is both effective and aligned with the objectives of *maqasid al-shari'ah*.

Keywords: *Fiqh munakahat, fuzzy delphi method, Orang Asli muslim Community, tarjih*

1. PENGENALAN

Masyarakat Islam Orang Asli di Malaysia, khususnya di Negeri Perak, merupakan komuniti minoriti yang hidup dalam keadaan keterasingan sosio-budaya serta masih kuat berpegang kepada adat resam tradisional. Keadaan ini memberi kesan langsung terhadap pengamalan ajaran Islam, termasuk dalam aspek *fiqh* munakahat yang melibatkan perkahwinan dan institusi kekeluargaan (Hassan & Ramli, 2020a). Pertembungan antara tuntutan hukum syarak dan adat tempatan sering menimbulkan kekeliruan hukum serta cabaran pelaksanaan di peringkat lapangan, terutamanya apabila pendekatan *fiqh* yang digunakan tidak mengambil kira *waqi'* masyarakat sasaran.

Dalam konteks ini, pentarjihan hukum *fiqh* tidak boleh dilaksanakan secara tekstual dan rigid semata-mata tanpa mempertimbangkan realiti kehidupan masyarakat. Para ulama *usul fiqh* menegaskan bahawa perubahan hukum boleh berlaku selari dengan perubahan zaman, tempat dan keadaan masyarakat, demi memastikan keadilan dan kemaslahatan dapat dicapai (Ibn Qayyim, 1991). Justeru, pertimbangan terhadap *maslahah* dan *mafsadah* merupakan asas penting dalam menentukan pandangan *fiqh* yang paling sesuai untuk diaplikasikan dalam konteks masyarakat yang berbeza latar belakang budaya dan tahap kefahaman agama (Al-Syatibi, 2003).

Pendekatan *fiqh* yang menekankan prinsip *taysir* (kemudahan) dan *tadarruj* (beransur-ansur) dilihat lebih berkesan dalam menangani isu-isu *fiqh* munakahat masyarakat Islam Orang Asli. Pendekatan ini bukan bertujuan untuk melonggarkan hukum secara mutlak, tetapi memastikan hukum Islam dapat diamalkan tanpa menimbulkan kesukaran yang melampau atau *mafsadah* yang lebih besar (Al-Qaradawi, 2001). Bahkan, pendekatan keutamaan hukum atau *fiqh al-awlawiyyat* turut menegaskan keperluan mendahulukan perkara yang lebih utama dan maslahat dalam konteks realiti semasa masyarakat (Al-Qaradawi, 1997).

Sehubungan itu, penggunaan kaedah sistematik seperti *Fuzzy Delphi Method* (FDM) menjadi signifikan dalam menilai dan mengesahkan pentarjihan hukum yang dicadangkan. FDM berfungsi sebagai mekanisme untuk mendapatkan konsensus pakar secara berperingkat dan berasaskan ketidakpastian nilai, khususnya dalam isu-isu kompleks yang melibatkan pelbagai pertimbangan *fiqh* dan realiti sosial (Murray et al., 1985; Hsu & Sandford, 2007). Dalam konteks kajian Islam dan masyarakat Orang Asli, aplikasi FDM telah dibuktikan berkesan dalam mengesahkan pandangan pakar serta menghasilkan keputusan yang lebih objektif dan praktikal.

Oleh itu, artikel ini mengaplikasikan *Fuzzy Delphi Method* bagi menganalisis dan mengesahkan pentarjihan hukum *fiqh* munakahat yang dicadangkan oleh pengkaji, dengan mengambil kira *waqi'* masyarakat Islam Orang Asli dan prinsip *taysir*. Pendekatan ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan kerangka pentarjihan *fiqh* yang lebih kontekstual dan inklusif, sekali gus menjadi panduan praktikal kepada pihak berautoriti agama dan penggerak masyarakat di lapangan.

2. KAJIAN LITERATUR

Kajian berkaitan masyarakat Orang Asli di Malaysia secara umumnya telah berkembang dalam beberapa dekad kebelakangan ini namun tumpuan utama literatur masih banyak berlegar pada dimensi sosio-budaya,

pembangunan komuniti, pendidikan, kebajikan, kesihatan serta pendekatan dakwah berbanding analisis hukum Islam yang bersifat khusus. Hal ini menunjukkan bahawa perbincangan mengenai masyarakat Orang Asli masih cenderung dilihat melalui sudut kehidupan masyarakat, budaya, adat resam dan pembangunan komuniti sedangkan aspek pengamalan syariah pasca pengislaman khususnya fiqh munakahat belum diberikan perhatian yang sewajarnya. Beberapa kajian menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli yang memeluk Islam berhadapan pelbagai cabaran dalam menghayati ajaran Islam secara menyeluruh kerana dipengaruhi oleh keterikatan yang kuat kepada adat tradisi, tahap literasi agama yang terhad, tahap sosial yang rendah serta faktor keterasingan geografi yang menjejaskan akses kepada pendidikan agama dan institusi sokongan syariah (Abdul Rahman & Mustapha, 2020). Namun demikian, kebanyakan kajian ini lebih menumpukan kepada faktor-faktor umum pengislaman dan cabaran dakwah.

Dalam konteks yang lebih khusus, beberapa penulisan terdahulu telah mengaitkan realiti kehidupan masyarakat Orang Asli Muslim dengan cabaran pelaksanaan hukum kekeluargaan Islam khususnya dalam aspek perkahwinan dan struktur keluarga. Kajian Hassan dan Ramli (2020b) serta Aini dan Ahmad Fauzi (2020) menunjukkan bahawa peralihan daripada amalan adat kepada pematuhan syariah tidak berlaku secara langsung tetapi memerlukan penyesuaian antara ajaran Islam dengan nilai tradisional masyarakat. Walau bagaimanapun, kajian tersebut masih terbatas dari sudut penghuraian kerangka *fiqh* yang boleh dijadikan asas pentarjihan dalam situasi konflik antara adat dan syarak.

Dari sudut dakwah pula, kajian-kajian lepas secara konsisten menegaskan bahawa pendekatan terhadap masyarakat Orang Asli perlu dibangunkan atas asas hikmah, *tadarruj*, penghormatan terhadap budaya dan kepekaan terhadap psikologi komuniti sasaran (Ahmad & Engku Alwi, 2017; Aini & Don, 2020). Kajian oleh Mohd Rosli et al. (2022) dan Mohd Zin dan Mohd Yunus (2006) turut menekankan bahawa penguasaan bahasa tempatan, komunikasi interpersonal, pendekatan mesra komuniti serta dakwah *bi al-hal* merupakan faktor utama yang menyumbang kepada penerimaan Islam secara lebih berkesan.

Dari perspektif teori hukum Islam, sarjana seperti al-Qaradawi (2001) dan Kamali (2003) menegaskan bahawa penerapan syariah terhadap komuniti minoriti, mualaf dan kelompok yang sedang melalui proses transisi keagamaan memerlukan kefahaman yang mendalam terhadap *waqi'*, keutamaan masalah, pertimbangan mafsadah serta keanjalan ijtihad dalam ruang yang diharuskan syarak. Prinsip-prinsip seperti *taysir*, *tadarruj*, *raf' al-haraj* dan meraikan uruf sering diketengahkan sebagai instrumen penting

dalam memastikan syariah dilaksanakan secara hikmah dan tidak membawa kepada kesulitan (al-Syatibi, 2003; Hassan, 2020). Namun begitu, perbincangan para sarjana ini kebanyakannya masih bersifat umum dan belum memberi tumpuan khusus kepada isu munakahat masyarakat Orang Asli di Malaysia. Prinsip *fiqh* yang dibincangkan memang sesuai dijadikan asas tetapi kajian sedia ada masih belum menunjukkan dengan jelas bagaimana prinsip tersebut boleh digunakan dalam kes sebenar seperti adat perkahwinan Orang Asli, masalah status wali atau perbezaan kefahaman agama antara pasangan dan keluarga.

Beberapa kajian terkini telah meneliti isu *fiqh* dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli termasuk ibadat, pengamalan agama dan kekeluargaan. Namun, kajian-kajian ini masih terhad dan belum cukup kuat untuk membina *fiqh* munakahat sebagai satu bidang yang jelas dan mantap. Shahrom et al. (2024) mendapati bahawa antara isu yang sering berlaku dalam komuniti ini ialah perkahwinan bawah umur, perkahwinan adat yang tidak memenuhi rukun dan syarat akad, masalah status wali, pengislaman salah seorang pasangan dan isu mas kahwin. Kajian ini penting kerana ia menunjukkan bahawa masalah hukum yang berlaku dalam komuniti Orang Asli ialah isu sebenar di lapangan dan bukan sekadar perbincangan teori. Walau bagaimanapun kajian tersebut masih lebih tertumpu kepada mengenal pasti masalah dan belum membina kerangka penyelesaian hukum yang jelas.

Selain itu, beberapa kajian terkini menunjukkan bahawa penerapan hukum yang terlalu tegas terhadap komuniti minoriti Muslim boleh membawa kesan negatif kepada keluarga dan penerimaan agama (Hassan et al., 2023). Hal ini menunjukkan bahawa isu munakahat bukan hanya soal hukum tetapi juga cara hukum itu difahami, disampaikan dan dilaksanakan mengikut keadaan komuniti.

Dari sudut metodologi penyelidikan pula, penggunaan *Fuzzy Delphi Method* (FDM) telah terbukti semakin penting dalam kajian-kajian kontemporari yang melibatkan pembinaan model, pengesahan konstruk dan penentuan elemen berasaskan konsensus pakar khususnya dalam bidang pendidikan Islam, pembangunan modul dakwah, penilaian instrumen dan kerangka syariah (Murray et al., 1985; Habibi et al., 2014). Dalam konteks kajian tempatan, Azizan et al. (2025) dan Mustapha et al. (2023) menunjukkan bahawa FDM ialah kaedah yang teratur untuk menilai elemen tertentu berdasarkan persetujuan pakar dan susunan keutamaan. Kaedah ini menggabungkan pandangan pakar dengan penilaian yang lebih sistematik. Namun, penggunaannya dalam pengajian Islam masih banyak tertumpu pada kurikulum, model pengajaran dan modul latihan. Oleh itu, FDM masih berpotensi digunakan dengan lebih luas dalam kajian *fiqh* munakahat.

Dalam konteks masyarakat Islam Orang Asli, penggunaan FDM masih sangat terhad kerana kajian sedia ada belum banyak menggabungkan dapatan lapangan dengan pandangan pakar secara sistematik. Kebanyakan kajian hanya mengenal pasti masalah komuniti atau membincangkan secara umum keperluan *fiqh* yang sesuai dengan realiti semasa. Oleh itu, masih belum ada model yang jelas tentang komponen utama *fiqh* munakahat, elemen keutamaan dan pengesahannya oleh pakar.

Berdasarkan sorotan kajian lepas, dapat dirumuskan bahawa masih terdapat tiga jurang utama dalam kajian ini. Pertama, masih kurang kajian yang membincangkan *fiqh* munakahat dengan mengambil kira realiti kehidupan masyarakat Islam Orang Asli secara menyeluruh. Kedua, perbincangan tentang *fiqh*, *taysir* dan *tadarruj* banyak dibincangkan secara umum tetapi belum diterapkan dalam kaedah yang jelas untuk pentarjihan hukum. Ketiga, penggunaan kaedah kesepakatan pakar seperti *Fuzzy Delphi Method* dalam membina kerangka *fiqh* munakahat bagi komuniti minoriti Muslim masih sangat terhad. Oleh itu, artikel ini cuba mengisi jurang tersebut dengan menganalisis isu *fiqh* munakahat masyarakat Islam Orang Asli di Negeri Perak melalui penggunaan FDM bagi membina pentarjihan hukum yang lebih praktikal dan sesuai dengan realiti setempat.

3. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan konsensus pakar dengan mengaplikasikan *Fuzzy Delphi Method* (FDM) (Murray et al., 1985) bagi menganalisis dan mengesahkan pentarjihan hukum terhadap isu-isu *fiqh* munakahat yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli di Negeri Perak. Pemilihan pendekatan ini bertepatan dengan sifat kajian yang melibatkan permasalahan hukum syariah yang kompleks, normatif dan tidak dapat diukur secara kuantitatif semata-mata, khususnya apabila isu yang dibincangkan berkait rapat dengan realiti sosio-budaya komuniti minoriti dan muafak.

Pada peringkat awal kajian, pengkaji menjalankan analisis dokumen dan penelitian terhadap kajian lapangan terdahulu bagi mengenal pasti isu-isu *fiqh* munakahat yang kerap berbangkit dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli. Antara isu utama yang dikenal pasti termasuk perkahwinan bawah umur, kelayakan wali nikah yang fasik, pengislaman salah seorang pasangan suami isteri, pembayaran mas kahwin serta perkahwinan yang dilaksanakan mengikut adat Orang Asli. Isu-isu ini dianalisis berdasarkan khazanah *fiqh* klasik dan kontemporari sebelum pengkaji mengemukakan cadangan

pentarjihan hukum yang berasaskan prinsip *fiqh taysir*, *tadarruj* serta pertimbangan *maslahah* dan *mafsadah*, dengan mengambil kira realiti kehidupan masyarakat sasaran.

Bagi menilai kesesuaian dan kebolehterimaan pentarjihan hukum tersebut, kajian ini melibatkan seramai sepuluh orang pakar yang dipilih secara pensampelan bertujuan. Panel pakar terdiri daripada ahli akademik dalam bidang *fiqh* dan dakwah. Pemilihan jumlah dan latar belakang pakar ini selari dengan amalan penyelidikan *Fuzzy Delphi* yang menekankan kualiti kepakaran berbanding kuantiti responden.

Jadual 1. Senarai Kumpulan Pakar Hukum

Bil.	Pakar	Kategori Pakar	Bidang Kepakaran	Pengalaman
1.	Prof. Madya (UniSZA)	Akademik	Syariah	20 Tahun
2.	Prof. Madya (Universiti Sains Islam Malaysia)	Akademik	Syariah	20 Tahun
3.	PhD (Universiti Sultan Azlan Shah: USAS)	Akademik	Syariah	17 Tahun
4.	PhD (Universiti Sultan Azlan Shah: USAS)	Akademik	Syariah	15 Tahun
5.	PhD (UiTM)	Akademik	Usuluddin	18 Tahun
6.	Prof. Madya (UniSZA)	Akademik	Dakwah	24 Tahun
7.	Prof. Madya (UniSZA)	Akademik	Dakwah	17 Tahun
8.	PhD (UniSZA)	Akademik	Dakwah	26 Tahun
9.	Mantan Mufti	Industri	Fatwa	30 Tahun
10.	Jawatankuasa Fatwa	Industri	Fatwa	10 Tahun

Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik *Fuzzy Delphi* yang dibangunkan berdasarkan isu-isu munakahat yang telah dikenal pasti serta cadangan pentarjihan hukum oleh pengkaji. Setiap item penilaian diukur menggunakan skala Likert tujuh mata yang kemudiannya ditukarkan kepada bentuk *Triangular Fuzzy Numbers*, iaitu nilai minimum, nilai pertengahan dan nilai maksimum, bagi mencerminkan tahap persetujuan pakar secara lebih fleksibel dan realistik. Analisis data dilaksanakan melalui beberapa peringkat utama. Pertama, nilai *threshold* dikira bagi menentukan tahap perbezaan pandangan antara pakar, di mana sesuatu item dianggap mencapai kesepakatan sekiranya nilai d tidak melebihi 0.2. Kedua, tahap konsensus pakar ditentukan berdasarkan peratusan persetujuan sekurang-kurangnya 75 peratus (Murray et al., 1985). Hanya cadangan yang memenuhi keseluruhan kriteria ini diterima sebagai pentarjihan hukum yang sah dan praktikal untuk

diaplikasikan dalam konteks masyarakat Islam Orang Asli.

4. HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sebelum analisis *Fuzzy Delphi Method* dijalankan, kajian ini terlebih dahulu mengenal pasti enam isu utama *fiqh* munakahat yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli di Negeri Perak melalui analisis dokumen dan dapatan temu bual. Isu pertama ialah perkahwinan bawah umur, yang didapati merupakan amalan lazim dalam komuniti ini akibat faktor budaya, struktur sosial dan keterbatasan pendidikan sekali gus menimbulkan persoalan hukum berkaitan kesahihan pernikahan. Isu kedua melibatkan status wali nikah yang fasik, khususnya dalam situasi bapa atau ahli keluarga terdekat yang mengabaikan kewajipan asas agama, sehingga menimbulkan kekeliruan terhadap kesahan akad nikah dan keperluan kepada wali hakim. Isu ketiga pula berkaitan pengislaman salah seorang pasangan suami isteri yang menuntut penelitian *fiqh* mendalam kerana melibatkan status ikatan perkahwinan serta implikasi terhadap pasangan. Selain itu, kajian turut mengenal pasti isu keempat iaitu pasangan yang terlanjur sebelum akad nikah, yang sering berlaku dalam konteks perkahwinan adat Orang Asli. Isu kelima ialah pembayaran mas kahwin, yang sering dilaksanakan secara tidak konsisten, tertanggung atau bergantung kepada bantuan pihak ketiga seperti Penggerak Masyarakat Orang Asli, sekali gus menimbulkan persoalan berkaitan kadar minimum, bentuk mas kahwin dan status akad. Isu keenam pula ialah perkahwinan mengikut adat Orang Asli tanpa memenuhi rukun dan syarat sah nikah menurut syarak, yang mencerminkan pertembungan antara adat resam tempatan dan tuntutan hukum Islam (Shahrom et al., 2024). Keenam-enam isu ini dikenal pasti sebagai isu kritikal yang memerlukan pentarjihan hukum secara sistematik dan berasaskan realiti setempat sebelum dianalisis dan disahkan melalui kaedah *Fuzzy Delphi Method* bagi mendapatkan kesepakatan pakar.



Rajah 1. Isu-Isu *Fiqh* Munakahat Masyarakat Islam Orang Asli di Negeri Perak

4.1 *Isu-Isu Fiqh Munakahat Masyarakat Islam Orang Asli di Negeri Perak*

Dapatan kajian bagi fasa ini diperoleh melalui aplikasi FDM yang bertujuan mendapatkan kesepakatan pakar terhadap komponen dan elemen isu *fiqh* munakahat dalam konteks masyarakat Islam Orang Asli. Dalam kajian ini, komponen merujuk kepada isu-isu utama *fiqh* munakahat yang telah dikenal pasti hasil analisis dokumen dan dapatan temu bual, manakala elemen bagi setiap komponen merangkumi pandangan-pandangan ulama yang ditarjihkan serta dianggap paling sesuai dengan realiti masyarakat Orang Asli. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan pendekatan *triangular fuzzy number*, diikuti dengan penentuan nilai *threshold* (d) dan peratus kesepakatan pakar. Berdasarkan analisis tersebut, dapatan kajian bagi enam isu utama *fiqh* munakahat dapat dihuraikan secara terperinci seperti berikut:

4.1.1 *Perkahwinan Bawah Umur (Komponen 1)*

Jadual 2. Dapatan Nilai *Threshold* (d) Elemen Komponen Perkahwinan Bawah Umur

PAKAR	ELEMEN ISU PERKAHWINAN BAWAH UMUR	
	1	2
1	0.069	0.084
2	0.324	0.309
3	0.086	0.084

4	0.069	0.084
5	0.069	0.084
6	0.069	0.071
7	0.069	0.084
8	0.069	0.084
9	0.086	0.071
10	0.069	0.071
Nilai <i>Threshold</i> (d)		
Setiap Elemen	0.098	0.103

Jadual 3. Dapatan Keseluruhan Elemen Komponen Perkahwinan Bawah Umur

Bil	Item / Elemen	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>			Skor <i>Fuzzy (A)</i>	Kesepakatan Pakar
		Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3		
	Pandangan Terpilih Mengenai Hukum Perkahwinan Bawah Umur							
1	Perkahwinan kanak-kanak bawah umur diharuskan menurut jumhur fuqaha. Para fuqaha berbeza dalam hukum <i>dukhul</i> :	0.098	90.0%	0.820	0.950	0.990	0.920	TERIMA
2	Pandangan terpilih: Boleh <i>dukhul</i> apabila telah baligh. Komen Penilai: Prosedur kelulusan perkahwinan perlu dipermudahkan bagi masyarakat orang asli Rujukan: Al-Nawawi (1991) & Al-Zayla'i (1313H)	0.103	90.0%	0.800	0.940	0.990	0.910	TERIMA

Syarat:


Triangular Fuzzy Numbers

1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2

2) Peratus Kesepakatan Pakar $\geq 75.0\%$

Berdasarkan analisis *Fuzzy Delphi Method* (FDM), elemen berkaitan isu perkahwinan bawah umur menunjukkan tahap konsensus pakar yang tinggi dan memenuhi syarat penerimaan yang telah ditetapkan. Nilai *threshold* (d) bagi dua elemen utama masing-masing direkodkan pada 0.098 dan 0.103, iaitu berada di bawah nilai ambang penerimaan (≤ 0.2). Dapatan ini menunjukkan bahawa jurang perbezaan pandangan dalam kalangan pakar adalah rendah serta menandakan wujud kesepakatan yang stabil terhadap elemen yang dinilai. Selain itu, peratus kesepakatan pakar sebanyak 90.0% bagi kedua-dua elemen memperlihatkan bahawa majoriti panel bersetuju terhadap penerimaan isu ini sebagai elemen komponen penting dalam model fiqh munakahat yang dibangunkan. Skor *fuzzy* (A) yang tinggi iaitu 0.920 dan 0.910 turut mengukuhkan tahap penerimaan elemen tersebut dalam analisis.

Dari sudut metodologi FDM, nilai *triangular fuzzy numbers* yang tinggi (m1, m2 dan m3) menggambarkan kecenderungan pakar yang hampir sepunya dalam menerima pandangan *fiqh* bahawa perkahwinan kanak-kanak bawah umur diharuskan menurut jumhur fuqaha, namun pelaksanaannya perlu mengambil kira syarat-syarat tertentu. Dari perspektif *fiqh* munakahat, kesepakatan pakar terhadap pandangan bahawa *dukhul* hanya dibenarkan apabila telah baligh mencerminkan pendekatan keseimbangan yang menekankan perlindungan terhadap kesejahteraan individu. Hal ini menunjukkan bahawa elemen perkahwinan bawah umur bukan sekadar isu hukum semata-mata, tetapi turut berkait dengan faktor sosial, kematangan fizikal dan psikologi serta perlindungan masalah pihak yang terlibat. Komen penilai yang mencadangkan prosedur kelulusan dipermudahkan bagi masyarakat Orang Asli pula memperlihatkan keperluan pendekatan *fiqh al-waqi'*, iaitu memahami realiti komuniti yang mempunyai latar budaya dan cabaran akses institusi yang berbeza.



Rajah 2. Dapatan FDM Komponen 1: Perkahwinan Bawah Umur

4.1.2 Wali Nikah Fasik (Komponen 2)

Jadual 4. Dapatan Nilai *Threshold* (d) Elemen Komponen Wali Nikah Fasik

PAKAR	ELEMEN ISU WALI NIKAH FASIK
1	0.069
2	0.324
3	0.086
4	0.069
5	0.069
6	0.069
7	0.069
8	0.069
9	0.086
10	0.069
Nilai <i>Threshold</i> (d) Setiap Elemen	0.098

Jadual 5. Dapatan Keseluruhan Elemen Komponen Wali Nikah Fasik

Bil	Item / Elemen	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Process</i>			Skor <i>Fuzzy (A)</i>	Kesepakatan Pakar
		Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3		
1	Pandangan Terpilih Mengenai Hukum Wali Nikah Fasik Sah wali fasik menjadi wali selepas beristighfar menurut pandangan al-Ghazali & al-Nawawi dalam mazhab Syafi'i. Rujukan: Al-Mawardi (1999) & Al-Nawawi (2008)	0.098	90.0%	0.820	0.950	0.990	0.920	TERIMA

Syarat:

Triangular Fuzzy Numbers

1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2

2) Peratus Kesepakatan Pakar $\geq 75.0\%$

Berdasarkan analisis *Fuzzy Delphi Method* (FDM) yang dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa elemen berkaitan hukum wali nikah fasik mencapai tahap konsensus pakar yang tinggi dan memenuhi syarat penerimaan model. Nilai *threshold* (d) keseluruhan direkodkan sebanyak 0.098, iaitu berada di bawah nilai maksimum yang dibenarkan (≤ 0.2), sekali gus menunjukkan jurang perbezaan pandangan antara pakar adalah rendah dan wujud kesepakatan yang kukuh dalam kalangan panel. Selain itu, kadar kesepakatan pakar sebanyak 90.0% menepati syarat penerimaan iaitu melebihi 75%, manakala skor *fuzzy* (A) sebanyak 0.920 memperlihatkan tahap persetujuan yang tinggi terhadap elemen tersebut untuk dikekalkan dalam komponen model.

Dari perspektif metodologi FDM, nilai *triangular fuzzy numbers* yang tinggi ($m_1 = 0.820$, $m_2 = 0.950$, $m_3 = 0.990$) menunjukkan kecenderungan pakar yang hampir sepunya terhadap penerimaan pandangan bahawa wali fasik masih boleh menjalankan fungsi perwalian setelah bertaubat atau beristighfar. Keputusan ini mencerminkan bahawa pandangan *fiqh* klasik dalam mazhab Syafi'i masih relevan diaplikasikan dalam konteks semasa, khususnya apabila dinilai melalui pendekatan kolektif pakar hukum yang mengambil kira realiti sosial masyarakat.

Dari sudut analisis *fiqh*, dapatan ini memperlihatkan kecenderungan pakar untuk menggabungkan disiplin hukum tradisional dengan pendekatan kontekstual seperti *fiqh al-waqi'* dan *fiqh al-taysir*. Hal ini menunjukkan bahawa konsep kefasikan tidak dilihat sebagai penghalang mutlak terhadap perwalian, sebaliknya dinilai berdasarkan potensi pemulihan akhlak individu melalui taubat. Pendekatan ini juga selari dengan prinsip menjaga maslahat perkahwinan dan mengelakkan kesukaran berlebihan, terutamanya dalam komuniti yang mempunyai cabaran sosioagama tertentu. Oleh itu, elemen wali nikah fasik bukan sahaja relevan dari sudut hukum, malah berfungsi sebagai indikator penting dalam pembinaan model *fiqh* munakahat yang bersifat realistik dan responsif terhadap konteks masyarakat.



Rajah 3. Dapatan FDM Komponen 2: Wali Nikah Fasik

4.1.3 Pengislaman Salah Seorang Pasangan Suami Isteri (Komponen 3)

Jadual 6. Dapatan Nilai *Threshold* (d) Elemen Komponen Pengislaman Salah Seorang Pasangan Suami Isteri

PAKAR	ELEMEN ISU PENGISLAMAN SALAH SEORANG PASANGAN SUAMI ISTERI	
	1	2
1	0.031	0.054
2	0.031	0.054
3	0.031	0.054
4	0.031	0.054
5	0.031	0.054
6	0.031	0.054
7	0.031	0.054
8	0.031	0.338
9	0.122	0.101
10	0.122	0.0054
Nilai <i>Threshold</i> (d) Setiap Elemen	0.049	0.087

Jadual 7. Dapatan Keseluruhan Elemen Komponen Pengislaman Salah Seorang Pasangan Suami Isteri

Bil	Item / Elemen	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i> Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>			Kesepakatan Pakar			
		Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor <i>Fuzzy (A)</i>	
1	<p>Pandangan Mengenai Pengislaman Salah Seorang Pasangan Suami Isteri</p> <p>Pengislaman salah seorang sebelum <i>dukhul</i> akan menyebabkan akad pernikahan batal serta merta menurut pandangan mazhab Syafi'i dan salah satu riwayat dalam mazhab Hanbali.</p>	0.049	100.0%	0.860	0.980	1.000	0.947	TERIMA

	Pengislaman salah seorang selepas <i>dukhul</i> akan menyebabkan ikatan perkahwinan tergantung (<i>mawquf</i>):						
	i) Sekiranya pasangan masuk Islam semasa tempoh <i>iddah</i> , status perkahwinan akan berkekalan.						
2	0.087	90.0%	0.840	0.960	0.990	0.930	TERIMA
	ii) Sekiranya pasangan tidak masuk Islam sehingga habis <i>iddah</i> hubungan suami isteri akan terlerai.						

Komen Penilai:

Pertimbangan antara *masalah* dan mafsadah turut diambil kira dalam kes-kes tertentu seperti sekiranya pembubaran perkahwinan berlaku selepas tempoh *'iddah* menyebabkan pasangan yang telah memeluk Islam akan kembali semula kepada agama asalnya kerana ikatan kekeluargaan yang sangat erat dan sebagainya. Ini berdasarkan kaedah “Memilih kemudaratan yang paling ringan”.

Rujukan: Al-Nawawi (2008)

Syarat:

Triangular Fuzzy Numbers


1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2

2) Peratus Kesepakatan Pakar $\geq 75.0\%$

Berdasarkan dapatan *Fuzzy Delphi Method* (FDM), elemen berkaitan isu pengislaman salah seorang pasangan suami isteri menunjukkan tahap kesepakatan pakar yang sangat tinggi serta memenuhi semua syarat penerimaan yang telah ditetapkan. Nilai *threshold* (d) bagi dua elemen utama masing-masing ialah 0.049 dan 0.087, iaitu jauh di bawah nilai ambang penerimaan (≤ 0.2). Nilai ini menunjukkan jurang perbezaan pandangan pakar adalah minimum dan wujud konsensus yang kuat terhadap hukum yang dipilih. Selain itu, peratus kesepakatan pakar yang direkodkan sebanyak 100.0% bagi elemen pertama dan 90.0% bagi elemen kedua memperlihatkan bahawa majoriti panel bersetuju dengan pandangan *fiqh* yang diketengahkan. Skor *fuzzy* (A) yang tinggi iaitu 0.947 dan 0.930 turut mengukuhkan tahap signifikan elemen ini dalam pembangunan komponen model *fiqh* munakahat.

Dari perspektif metodologi FDM, nilai *triangular fuzzy numbers* yang tinggi (m_1 , m_2 , m_3) mencerminkan kecenderungan pakar yang hampir sepunya dalam menerima pandangan mazhab Syafi'i bahawa pengislaman salah seorang pasangan sebelum berlakunya *dukhul* menyebabkan akad pernikahan terbatal secara serta-merta. Sementara itu, pengislaman selepas *dukhul* dinilai secara lebih kontekstual melalui konsep *mawquf*, iaitu status perkahwinan tergantung sehingga tamat tempoh iddah.

Dari sudut analisis *fiqh*, dapatan ini memperlihatkan bahawa pakar bukan sahaja menilai hukum berdasarkan disiplin mazhab klasik, tetapi turut mengintegrasikan pertimbangan *maqasid al-shariah* dan prinsip *fiqh al-muwazanat*. Komen penilai yang menekankan pertimbangan antara *maslahah* dan *mafsadah* menunjukkan kecenderungan pendekatan *fiqh al-waqi'*, khususnya dalam situasi masyarakat yang mempunyai ikatan kekeluargaan kuat seperti komuniti Orang Asli. Prinsip "memilih kemudahan yang lebih ringan" mencerminkan usaha menyeimbangkan antara keutuhan hukum syarak dan realiti sosial bagi mengelakkan implikasi negatif seperti kemungkinan individu kembali kepada agama asal akibat tekanan sosial atau kekeluargaan.



Rajah 4. Dapatan FDM Komponen 3: Pengislaman Salah Seorang Pasangan Suami Isteri

4.1.4 Pasangan Orang Asli Yang Terlanjur (Komponen 4)

Jadual 8. Dapatan Nilai *Threshold* (d) Elemen Komponen Pasangan Orang Asli Yang Terlanjur

PAKAR	ELEMEN ISU PASANGAN ORANG ASLI YANG TERLANJUR	
		1
1		0.084
2		0.309
3		0.071
4		0.084
5		0.084
6		0.084
7		0.084
8		0.071
9		0.071
10		0.084
Nilai <i>Threshold</i> (d) Setiap Elemen		0.103

Jadual 9. Dapatan Keseluruhan Elemen Komponen Pasangan Orang Asli Yang Terlanjur

Bil	Item / Elemen	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>			Skor <i>Fuzzy</i> (A)	Kesepakatan Pakar
		Nilai <i>Threshold</i> , d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3		
1	Pandangan Terpilih Mengenai Hukum Pasangan Orang Asli Yang Terlanjur Harus mengahwinkan pasangan yang terlanjur menurut jumhur fuqaha. Komen Penilai: Pendekatan pemulihan berbanding penghukuman, pemudahan prosedur perkahwinan dan pengukuhan bimbingan pra dan pasca perkahwinan. Rujukan: Al-Syarbini (1994) & Al-Zayla'i (1313H)	0.103	90.0%	0.800	0.940	0.990	0.910	TERIMA

Syarat:


Triangular Fuzzy Numbers

1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2

2) Peratus Kesepakatan Pakar $\geq 75.0\%$

Berdasarkan dapatan *Fuzzy Delphi Method* (FDM), elemen berkaitan pasangan Orang Asli yang terlanjur menunjukkan tahap kesepakatan pakar yang tinggi serta memenuhi syarat penerimaan model. Nilai *threshold* (d) direkodkan sebanyak 0.103, iaitu berada di bawah nilai ambang penerimaan (≤ 0.2), sekaligus menggambarkan jurang perbezaan pandangan pakar yang rendah dan wujud konsensus yang jelas terhadap elemen tersebut. Peratus kesepakatan pakar sebanyak 90.0% turut melepasi tahap minimum yang ditetapkan, manakala skor *fuzzy* (A) sebanyak 0.910 menunjukkan tahap penerimaan yang sangat tinggi terhadap pandangan bahawa pasangan yang terlanjur diharuskan untuk dikahwinkan menurut jumhur fuqaha. Dari sudut metodologi FDM, nilai *triangular fuzzy numbers* yang tinggi ($m_1 = 0.800$, $m_2 = 0.940$, $m_3 = 0.990$) memperlihatkan kecenderungan pakar yang hampir semuanya dalam menerima elemen ini sebagai komponen penting dalam model *fiqh* munakahat.

Dari perspektif *fiqh* munakahat, kesepakatan pakar terhadap keharusan mengahwinkan pasangan yang terlanjur mencerminkan pendekatan dalam menjaga maruah, keturunan (*hifz al-nasl*) dan kestabilan sosial komuniti. Dalam konteks masyarakat Islam Orang Asli, pendekatan ini dilihat signifikan kerana struktur sosial komuniti yang rapat serta cabaran akses kepada pendidikan agama boleh menyebabkan isu terlanjur berlaku dalam keadaan kejahilan terhadap hukum Islam dan dipengaruhi adat setempat seperti amalan tinggal bersama sebelum akad. Justeru, pakar mencadangkan agar isu ini ditangani melalui pendekatan pemulihan berasaskan dakwah dan bimbingan moral, di samping mempermudah prosedur perkahwinan dalam kes tertentu tanpa mengabaikan syarat syariah. Selain itu, pengukuhan bimbingan pra dan pasca perkahwinan yang bersifat kontekstual dilihat penting bagi meningkatkan kefahaman *fiqh* munakahat serta membantu membina kestabilan institusi keluarga dalam kalangan komuniti sasaran.



Rajah 5. Dapatan FDM Komponen 4: Pasangan Orang Asli Yang Terlanjur

4.1.5 *Pembayaran Mas Kahwin (Komponen 5)*

Jadual 10. Dapatan Nilai *Threshold* (d) Elemen Komponen Pembayaran Mas Kahwin

PAKAR		ELEMEN ISU PEMBAYARAN MAS KAHWIN	
			1
	1		0.054
	2		0.054
	3		0.054
	4		0.054
	5		0.054
	6		0.054
	7		0.054
	8		0.101
	9		0.338
	10		0.054
Nilai <i>Threshold</i> (d) Setiap Elemen			0.087

Jadual 11. Dapatan Keseluruhan Elemen Komponen Pembayaran Mas Kahwin

Bil	Item / Elemen	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>			Skor <i>Fuzzy (A)</i>	Kesepakatan Pakar
		Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3		
1	Pandangan Terpilih Mengenai Pembayaran Mas Kahwin Pembayaran mas kahwin mengikut kemampuan pengantin lelaki.	0.087	90.0%	0.840	0.960	0.990	0.930	TERIMA

Komen Penilai: Pakar mencadangkan bahawa jika mas kahwin tidak mampu diberi dalam bentuk wang, ia boleh digantikan dengan barangan tradisional Orang Asli

yang halal dan bernilai, dengan syarat dipersetujui serta ditentukan secara jelas
Rujukan: Al-Mawardi (1999)

Syarat:

Triangular Fuzzy Numbers

1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2

2) Peratus Kesepakatan Pakar $\geq 75.0\%$

Berdasarkan dapatan *Fuzzy Delphi Method* (FDM), elemen berkaitan pembayaran mas kahwin menunjukkan tahap kesepakatan pakar yang tinggi serta memenuhi semua syarat penerimaan model. Nilai *threshold* (d) direkodkan sebanyak 0.087, iaitu berada di bawah nilai ambang penerimaan (≤ 0.2), sekali gus menggambarkan jurang perbezaan pandangan pakar yang rendah dan kewujudan konsensus yang jelas terhadap elemen tersebut. Selain itu, peratus kesepakatan pakar sebanyak 90.0% serta skor *fuzzy* (A) sebanyak 0.930 menunjukkan tahap penerimaan yang sangat tinggi terhadap pandangan bahawa pembayaran mas kahwin perlu dilaksanakan mengikut kemampuan pengantin lelaki.

Dari sudut metodologi FDM, nilai *triangular fuzzy numbers* yang tinggi ($m_1 = 0.840$, $m_2 = 0.960$, $m_3 = 0.990$) memperlihatkan kecenderungan pakar yang hampir sepunya dalam menerima elemen ini sebagai komponen penting dalam model *fiqh* munakahat. Dapatan ini menunjukkan bahawa pakar melihat isu mas kahwin bukan sekadar aspek adat atau simbolik, tetapi sebagai mekanisme hukum yang perlu disesuaikan dengan realiti sosioekonomi masyarakat.

Dari perspektif *fiqh* munakahat, kesepakatan pakar terhadap pembayaran mas kahwin mengikut kemampuan mencerminkan pendekatan *fiqh al-taysir* dan prinsip *maqasid al-syariah*, khususnya dalam mengelakkan beban kewangan yang boleh menghalang perkahwinan serta menjaga kestabilan institusi keluarga. Dalam konteks masyarakat Islam Orang Asli, pendekatan ini dilihat relevan kerana faktor ekonomi dan latar sosial komuniti boleh mempengaruhi kemampuan individu untuk melaksanakan perkahwinan. Oleh itu, penetapan mas kahwin yang bersifat sederhana dan fleksibel dilihat lebih bertepatan dengan realiti masyarakat serta mampu mengelakkan berlakunya kesukaran yang tidak perlu dalam pelaksanaan hukum. Pakar turut mencadangkan bahawa sekiranya mas kahwin tidak mampu diberikan dalam bentuk wang tunai, ia boleh digantikan dengan barangan tradisional masyarakat Orang Asli yang mempunyai nilai dan diharuskan oleh syarak, seperti hasil hutan atau binatang buruan yang halal, dengan syarat jenis dan nilainya ditentukan secara

jelas serta dipersetujui oleh kedua-dua pihak bagi menjaga hak isteri dan mengelakkan pertikaian pada masa hadapan.



Rajah 6. Dapatan FDM Komponen 5: Pembayaran Mas Kahwin

4.1.6 Perkahwinan Mengikut Adat Orang Asli (Komponen 6)

Jadual 12. Dapatan Nilai *Threshold* (d) Elemen Komponen Perkahwinan Mengikut Adat Orang Asli

PAKAR	ELEMEN ISU PERKAHWINAN MENGIKUT ADAT ORANG ASLI	
	1	2
	1	0.084
2	0.084	0.099
3	0.309	0.295
4	0.084	0.099
5	0.084	0.099
6	0.071	0.056
7	0.084	0.099
8	0.071	0.056
9	0.071	0.056
10	0.084	0.056
Nilai <i>Threshold</i> (d) Setiap Elemen	0.103	0.101

Jadual 13. Dapatan Keseluruhan Elemen Komponen Perkahwinan Mengikut Adat Orang Asli

Bil	Item / Elemen	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>			Kesepakatan Pakar
		Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan an Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	
	Pandangan Terpilih Mengenai Perkahwinan Mengikut Adat Orang						Skor <i>Fuzzy (A)</i>

Asli								
1	Perkahwinan adat sebelum perkahwinan syar'i tidak dibolehkan.	0.103	90.0%	0.8 00	0.94 0	0.990	0.910	TERIMA
	Sekiranya dilaksanakan juga maka							
2	perkahwinan syar'i perlu dilaksanakan secepat mungkin.	0.101	100.0%	0.7 80	0.93 0	0.99 0	0.900	TERIMA

Rujukan: Al-Nawawi (2008) & Al-Syarbini (1994)

Syarat:

Triangular Fuzzy Numbers


1) Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2

2) Peratus Kesepakatan Pakar $\geq 75.0\%$

Berdasarkan dapatan *Fuzzy Delphi Method* (FDM), elemen berkaitan perkahwinan mengikut adat Orang Asli menunjukkan tahap kesepakatan pakar yang tinggi serta memenuhi syarat penerimaan model. Nilai *threshold* (d) bagi kedua-dua elemen direkodkan sebanyak 0.103 dan 0.101, iaitu berada di bawah nilai ambang penerimaan (≤ 0.2), sekali gus menggambarkan jurang perbezaan pandangan pakar yang rendah dan wujud konsensus yang jelas terhadap isu tersebut. Dari sudut peratusan kesepakatan, *Elemen 1* memperoleh 90.0%, manakala *Elemen 2* mencapai 100.0% persetujuan pakar, kedua-duanya melepasi tahap minimum 75.0% yang diperlukan dalam kajian ini. Seterusnya, skor fuzzy (A) yang direkodkan adalah 0.910 bagi *Elemen 1* dan 0.900 bagi *Elemen 2*, menandakan tahap persetujuan tinggi pandangan bahawa perkahwinan adat sebelum perkahwinan syar'i tidak dibolehkan, dan sekiranya berlaku, akad nikah syar'i perlu dilaksanakan dengan segera. Dari sudut metodologi FDM, nilai *triangular fuzzy numbers* yang tinggi menunjukkan kecenderungan pakar yang hampir sepunya dalam menerima elemen ini sebagai komponen penting dalam model fiqh munakahat.

Dapatan ini menunjukkan bahawa amalan perkahwinan mengikut adat Orang Asli masih berakar dalam komuniti walaupun selepas pengislaman, justeru memerlukan penilaian *fiqh* yang lebih mendalam selaras dengan dapatan FDM yang menegaskan keutamaan akad nikah syar'i. Dalam hukum Islam, kesahan perkahwinan bergantung kepada pematuhan rukun nikah seperti pengantin

lelaki dan perempuan, wali, dua orang saksi serta ijab dan qabul. Oleh itu, perkahwinan adat yang tidak memenuhi rukun tersebut tidak diiktiraf dari sudut syarak dan boleh menjejaskan hak pasangan serta status keluarga. Walau bagaimanapun, adat yang sedia ada boleh ditransformasikan mengikut acuan syariah melalui pelantikan wali yang sah, pelaksanaan ijab qabul yang menepati tuntutan hukum serta pengesahan oleh institusi agama. Hal ini penting kerana masih wujud amalan seperti nikah adat atau persetujuan suku tanpa prosedur syar'i yang memberi implikasi terhadap hak isteri, status anak dan pengiktirafan undang-undang. Sehubungan itu, dapatan ini menegaskan keperluan pendekatan *fiqh* yang bersifat kontekstual dalam menyusun semula amalan perkahwinan adat agar mematuhi rukun dan syarat sah nikah, di samping memastikan pelaksanaannya lebih tersusun serta bertepatan dengan tuntutan syariah.



Rajah 7. Dapatan FDM Komponen 5: Perkahwinan Mengikut Adat Orang Asli

5. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya menganalisis dan mengesahkan pentarjihan hukum *fiqh* munakahat yang melibatkan masyarakat Islam Orang Asli di Negeri Perak melalui aplikasi *Fuzzy Delphi Method* (FDM) yang berasaskan konsensus pakar. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesepakatan yang tinggi terhadap enam isu utama yang dianalisis, sekali gus mengesahkan keperluan pendekatan *fiqh* yang bersifat kontekstual, fleksibel dan responsif terhadap realiti sosio-budaya komuniti sasaran. Pendekatan yang menggabungkan prinsip *fiqh al-taysir*, *tadarruj*, pertimbangan *maslahah* dan *mafsadah* serta *fiqh al-waqi'* didapati signifikan dalam memastikan hukum Islam dapat dilaksanakan secara lebih praktikal tanpa menjejaskan asas rukun dan syarat sah pernikahan. Hal ini membuktikan bahawa pentarjihan hukum yang berasaskan konsensus pakar mampu menjadi mekanisme penting dalam menjembatani jurang antara kerangka *fiqh* dan cabaran semasa masyarakat Islam Orang Asli.

Selain itu, dapatan kajian turut memperlihatkan bahawa banyak isu *fiqh* munakahat dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli berpunca daripada pertembungan antara adat tradisional dan tuntutan syariah, termasuk perkahwinan adat, pembayaran mas kahwin, pengislaman salah seorang pasangan serta isu perkahwinan bawah umur dan pasangan terlanjur. Justeru, pendekatan hukum yang terlalu rigid tanpa memahami latar budaya berpotensi menimbulkan *mafsadah* yang lebih besar, manakala pendekatan *fiqh* yang bersifat mesra budaya dan beransur-ansur mampu membantu proses pengukuhan identiti Islam dalam komuniti ini. Dalam konteks ini, dapatan kajian menegaskan kepentingan transformasi adat mengikut acuan syariah melalui pendidikan hukum, bimbingan praperkahwinan dan penglibatan institusi agama bagi memastikan pelaksanaan *fiqh* munakahat lebih tersusun dan berkesan.

Akhirnya, kajian ini menyumbang kepada pembangunan kerangka pentarjihan *fiqh* munakahat berasaskan konsensus pakar yang boleh dijadikan panduan praktikal kepada pihak berautoriti agama, pendakwah dan penggerak masyarakat dalam menangani isu kekeluargaan masyarakat Islam Orang Asli secara lebih inklusif dan selari dengan *maqasid al-syariah*. Walau bagaimanapun, kajian lanjutan disarankan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan kerangka ini di peringkat lapangan melalui pendekatan etnografi atau kajian tindakan, agar model *fiqh* yang dibangunkan bukan sahaja kukuh dari sudut teori, tetapi juga berimpak dalam realiti masyarakat.

6. PENGHARGAAN

Kajian ini ditaja oleh Ministry of Higher Education (MOHe) melalui Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) (FRGS/1/2023/SSI13/UITM/02/5).

7. RUJUKAN

- Abdul Rahman, A., & Mustapha, R. (2020). Cabaran pelaksanaan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 42(SI), 59–67.
- Ahmad, J. & J. & Engku Alwi, E. A. Z. (2017). Pendekatan dakwah kepada masyarakat Orang Asli di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 45(2), 1–24.
- Aini, Z. & Ahmad Fauzi, N. U. (2020). Mesej akidah dan syariah dalam komunikasi dakwah Orang Asli muslim di Selangor. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 173-185.
- Aini, Z., & Don, A. G. (2020). Amalan Kemahiran Komunikasi Pendakwah dengan Masyarakat Orang Asli di Malaysia [The Practice of Communication Skills among Muslim Preachers to Orang Asli Community in Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 3(4), 83-100.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali ibn Muhammad ibn Habib. (1999). *Al-Hawi al-Kabir fi fiqh madhhab al-Imam al-Syafi'i*. Dar Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Yahya ibn Sharaf. (1991). *Rawdah al-Talibin wa 'Umdah al-Muftin*. Al-Maktab al-Islami.
- Al-Nawawi, Yahya ibn Sharaf. (2008). *Al-Majmu' sharh al-Muhadhdhab li al-Shirazi*. Maktabah al-Irshad.
- Al-Qaradawi, Y. (2001). *Fi fiqh al-aqalliyat al-Muslimah*. Dar al-Shuruq.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1997). *Fiqh al-awlawiyyat: Dirasah jadidah fi daw' al-Qur'an wa al-sunnah*. Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2001). *Fiqh al-taysir: al-Tajdid fi al-fiqh al-islami bayna al-indibat wa al-infirat*. Dar al-Shuruq.
- Al-Syarbini, Muhammad ibn Ahmad al-Khatib. (1994). *Mughni al-Muhtaj ila ma'rifah ma'ani al-faz al-Minhaj*. Dar Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Syatibi, Ibrahim ibn Musa Abu Ishaq. (2003). *Al-Muwafaqat fi usul al-syari'ah*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zayla'i, Uthman ibn 'Ali Fakhr al-Din. (1313H). *Tabyin al-haqa'iq sharh Kanz al-daqa'iq wa hashiyah al-Shalabi*. Al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah.
- Azizan, M. F., Effendi, M., Matore, E. M., & Maat, S. M. (2025). Instrumen Pengukuran Kualiti Pengajaran Guru Berasaskan Six Sigma: Penentuan Kesahan Kandungan melalui Analisis Fuzzy Delphi. *Sains Insani*, 10(2), 83-98.
- Habibi, A., Sarafrazi, A., & Izadyar, S. (2014). Delphi technique theoretical framework in qualitative research. *The International Journal of Engineering and Science*, 3(4), 8–13.
- Hassan, P., & Ramli, M. A. (2020a). Isolasi Sosio-Budaya Masyarakat Orang Asli di Malaysia dan Kesannya Terhadap Pentafsiran Hukum Islam.

Journal of Fatwa Management and Research, 21(1), 1-20.

- Hassan, P., & Ramli, M. A. (2020b). Pertimbangan uruf dalam interaksi tradisi masyarakat orang asli di Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 170-188.
- Hassan, P., Ramli, M. A., Yusof, M. Y., Zainal Abidin, M. Z. H., Razak, M. I., Mohamed Noh, A. M., & Mohd Yaacob, H. R. (2023). Konsep asas taysir dalam menangani isu fiqh masyarakat Islam orang asli. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 5(2), 154-162.
- Hsu, C. C., & Sandford, B. A. (2007). The Delphi technique: Making sense of consensus. *Practical Assessment, Research & Evaluation*, 12(10), 1–8.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1991). *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kamali, M. H. (2003). *Principles of Islamic Jurisprudence* (3rd ed.). Ilmiah Publishers.
- Mohd Rosli, A. N., Don, A. G., Abd. Ghani, M. Z., Puteh, A., Kawangit, R., & Ain, Z. (2022). Penerokaan terhadap keperluan kompetensi pendakwah dalam masyarakat Orang Asli. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 8(2), 28–42.
- Mohd Zin, A. A. & Mohd Yunus, A. R. (2006). Pendekatan Dakwah Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang. *Jurnal Usuluddin*, 23, 163–184.
- Murray, T. J., Pipino, L. L., & van Gigch, J. P. (1985). *A pilot study of fuzzy set modification of Delphi*. *Human Systems Management*, 5(1), 76–80.
- Mustapha, R., Mokhtar, N. A., Ismail, H., Abdul Razak, F. Z., Abdul Rahman, A., & Sh Othman, S. M. F.. (2023). The development of the al-Qur'an and fardhu ain mastery model of the indigenous people in the state of Pahang Malaysia: The fuzzy delphi approach. *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*, 1(3), 211-223.
- Shahrom, M. S. F., Hassan, P., & Yusof, M. Y. (2024). Analisis keperluan bagi pembinaan model Fiqh Munakahat masyarakat islam orang asli. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9(65), 374-385.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.